



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750
Faks : 089-773 688
Web : <https://tawau.anm.gov.my>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1/2 JLD 2(01)
Tarikh : 1 Februari 2024

**Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau/Kunak/Semporna/Lahad Datu**

YBhg. Datuk/Tuan/ Puan,

HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN *ONE TIME VENDOR* (OTV) DI iGFMAS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP Bil. 5 Tahun 2024 bertarikh 31 Januari 2024 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, kekerapan penggunaan ***One Time Vendor* (OTV)** bagi kod vendor **10001** dan **10009** di sistem iGFMAS **dihadkan sebanyak sekali sahaja** untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun. Ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja.

3. Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada **1 Februari 2024** dan sekiranya penggunaan OTV melebihi sekali dalam tempoh setahun untuk setiap ID penerima berkenaan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran.

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”**

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau

s.k Fail OTV